

>> **Isu berkaitan intimasi, seksualiti perlu dikupas secara meluas demi menyelesaikan masalah**

19-10-2016

setempat

21

HARIAN METRO

# Ragam 'enjin tua'

■ **Masalah seksualiti dalam kalangan warga emas wajar ditangani dengan bantuan pakar**

Syazwan Msar  
mohdsyazwan  
@hmetro.com.my

Serdang

**W**arga emas yang menghadapi masalah seksualiti boleh merosakkan hubungan antara pasangan, sekaligus menyumbang kepada faktor keruntuhan rumah tangga jika tidak ditangani segera.

Pengarah Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia Dr Tengku

“

**Seksualiti pada usia tua bukan bertujuan dapatkan zuriat, namun ia mampu mengeratkan hubungan suami isteri**

Dr Tengku Aizan

Aizan Hamid berkata, kebanyakan warga emas yang menghadapi masalah intimasi dan seksualiti kebiasaannya akan memendam daripada mencari jalan bagi menyelesaikannya.

Beliau berkata, stigma masyarakat bahawa perkara berkaitan seksualiti tidak harus dikupas secara terbuka menyumbang kepada masalah berkenaan yang terus melanda warga emas di negara ini.

“Seksualiti memainkan peranan dalam mengekalkan kualiti hidup dan kesejahteraan dalam kalangan orang dewasa, malah ia juga membantu mengekalkan keharmonian rumah tangga.

“Isu berkaitan seksualiti dan keintiman secara



**TIMBALAN** Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat UPM, Prof Dr. Renuganth Varatharajoo (dua dari kanan) mendengar penerangan Pengarah Jualan Health Care Solution Peter Yap mengenai kaedah terbaru bagi pesakit kanser prostat sambil diperhatikan Dr Tengku Aizan (tiga dari kanan).

amnya masih belum diterokai, malah ia tidak dibincangkan secara terbuka berikutan ia masih dianggap perkara sensitif dalam kalangan masyarakat di negara ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Seminar Kebangsaan Intimasi dan Seksualiti Warga Tua 2016 di Universiti Putra

Malaysia (UPM), semalam.

Menurutnya, isu berkaitan intimasi dan seksualiti seharusnya dikupas secara meluas demi menyelesaikan masalah yang melanda setengah warga emas di negara ini.

“Seksualiti pada usia tua bukannya bertujuan mendapatkan zuriat, namun ia lebih kepada memenuhi kehen-

dak masing-masing selain mampu mengeratkan hubungan antara suami isteri.

“Perkara berkaitan seksualiti dapat diatasi apabila warga tua yang menghadapi sebarang kesukaran melakukakan hubungan kelamin atau mempunyai masalah kesihatan berjumpa dengan pakar atau mendapatkan rawatan segera,” katanya.